

Pak Sako dalam arena Politik selepas Merdeka

Pak Sako in the Political arena after Merdeka

Mohd Asrul bin Kassim*

Sekolah Menengah Kebangsaan St Mary, 90705 Sandakan, Sabah, Malaysia

*email: Mohd Asrul bin Kassim (email: asrulkassim.iman@gmail.com)

Diterima: 15 Mac 2025; **Disemak semula:** 12 April 2025; **Diterima:** 09 Mei 2025; **Diterbitkan:** 16 Jun 2025

To cite this article (APA): Kassim, M. A. (2025). Pak Sako dalam arena Politik selepas Merdeka. *Munysi Jurnal Pengajian Sejarah*, 3(1), 46-63. <https://doi.org/10.37134/munysi.vol3.1.4.2025>

Abstrak

Makalah ini meneliti penglibatan Ishak Haji Muhammad atau lebih dikenali sebagai Pak Sako dalam Parti Buruh Malaya (PBM) dan Socialist Front (SF) sepanjang tahun 1957 hingga 1965, iaitu satu fasa penting dalam sejarah politik pasca kemerdekaan Tanah Melayu. Kajian ini memberi tumpuan kepada peranan Pak Sako sebagai pemimpin nasionalis kiri yang mengangkat gagasan sosialisme sebagai asas perjuangan politik, serta usahanya memartabatkan agenda kelas pekerja merentas batas kaum. Melalui analisis terhadap perkembangan PBM, pembentukan Socialist Front, serta respons politik terhadap isu-isu yang berkaitan. Artikel ini menilai sumbangan dan cabaran yang dihadapi Pak Sako sebagai aktor politik. Selain menggunakan sumber primer seperti laporan akhbar *Berita Harian*, *The Straits Times* dan rekod pilihan raya, artikel ini turut meneliti dinamika dalaman PBM dan SF yang akhirnya membawa kepada kemerosotan gerakan kiri di Tanah Melayu. Hasil kajian menunjukkan bahawa keterlibatan Pak Sako bukan sahaja memperkukuh suara nasionalisme kiri, tetapi turut mencerminkan konflik dan perubahan landskap politik yang lebih luas dalam konteks pembinaan negara bangsa pasca Merdeka.

Kata kunci: Pak Sako (Ishak Haji Muhamad), Politik Pasca Merdeka, Parti Buruh Malaya, Socialist Front

Abstract

This paper investigates the involvement of Ishak Haji Muhammad, better known as Pak Sako, in the Malayan Labour Party (MLP) and the Socialist Front (SF) between 1957 and 1965, a critical period in the post-independence political history of Malaya. The study emphasizes Pak Sako's role as a leftist nationalist leader who advanced socialism as the foundation of political struggle and championed the working-class agenda across ethnic boundaries. Through an analysis of the MLP's development, the formation of the Socialist Front, and political responses to contemporary issues, this paper evaluates Pak Sako's contributions and the challenges he faced as a political actor. Drawing on primary sources,

including Berita Harian, The Straits Times, and electoral records, the study also examines the internal dynamics of the MLP and SF, which ultimately contributed to the decline of leftist movements in Malaya. The findings suggest that Pak Sako's engagement not only strengthened the voice of leftist nationalism but also reflected broader conflicts and transformations within the political landscape during the nation-building process in post-independence Malaya.

Keywords: Pak Sako (Ishak Haji Muhamad), Post-Independence Politics, Malayan Labor Party, Socialist Front

Pengenalan

Kancah politik pasca Merdeka agak kompleks kerana masih terdapat campur tangan British dan kedinamikan politik di rantau Asia Tenggara. Kumpulan yang tidak selesa dengan pengaruh British berjuang dalam ruang politik yang dilabelkan sebagai golongan kiri. Istilah kiri di dalam makalah ini merujuk kepada kumpulan yang tidak bergerak seiring dengan aliran politik perdana. Perbincangan berkenaan Pak Sako menumpukan kepada penglibatannya dalam Parti Buruh Malaya (PBM) dan gabungannya bersama Parti Rakyat Malaya (PRM) dalam Socialist Front (SF), sebuah blok politik penting yang berpotensi mencabar hegemoni Perikatan. Kajian ini menumpukan kepada kegiatan Pak Sako selepas era penjajahan. Penglibatan Pak Sako dalam PBM sejak akhir 1950-an memperlihatkan usaha beliau menggabungkan idealisme sosialisme dengan matlamat pembinaan bangsa Malaya yang bersatu, adil dan demokratik. Peranan beliau semakin menonjol apabila dilantik sebagai Pengerusi PBM dan kemudiannya mengetuai Socialist Front antara tahun 1961 dan 1964. Namun demikian, perkembangan PBM dan SF tidak terpisah daripada cabaran dalaman dan luaran. Kesemua faktor ini bukan sahaja mempengaruhi hala tuju PBM dan SF, malah memberi kesan langsung terhadap kedudukan dan penglibatan politik Pak Sako. Artikel ini membincangkan secara kritis perkembangan tersebut bagi memahami peranan Pak Sako dalam konteks yang lebih luas, iaitu perubahan landskap politik kiri di Tanah Melayu pasca Merdeka.

Latar Belakang Tokoh

Pak Sako atau nama sebenar beliau Ishak Haji Muhammad dilahirkan di Kampung Segantang yang terletak di daerah Temerloh Pahang. Pak Sako dilahirkan pada September, 1909, di Kampung Segentang, Temerloh, Pahang.¹ Pak Sako merupakan anak ketiga dari pasangan suami isteri keluarga tani iaitu Haji Muhammad bin Haji Maasum yang berketurunan Bugis² dan ibunya, Fatimah binti Abdul Jamal yang berasal dari Palembang.³ Panggilan Pak Sako diperolehi sempena dengan tentera Jepun kepada beliau iaitu *Isako San* yang diberikan kepadanya semasa berkhidmat dengan Jepun. Orang Jepun menyebut Ishak dengan nama *Isako San* yang bermakna "Tuan Ishak".⁴ Panggilan *Isako San* oleh orang Jepun menyebabkan sahabat dan anak buah beliau memanggilnya Pak Sako. Selain itu, Pak Sako turut menggunakan beberapa nama samaran, antaranya ialah Isako San, Anuar, Hantu Raya, Pak Pandir Moden dan Pak Sako.⁵

Pak Sako lahir dalam keluarga yang berpegang kuat pada agama. Datuk kepada Pak Sako, Haji Ma'asum, berasal daripada Aceh. Beliau berhijrah ke Terengganu untuk menuntut ilmu agama. Manakala ayah kepada Pak Sako pula merupakan seorang yang alim dan pernah belajar di Patani dan Kelantan. Beliau menghabiskan masa belajar agama di pondok di kedua-dua buah negeri tersebut selama lapan tahun untuk menuntut ilmu agama. Antara gurunya yang terkenal adalah Syeikh Daud al-Fathoni dan Tok Kenali".⁶

Walaupun, Pak Sako mendapat pendidikan yang berbeza. Ini kerana beliau menerima pendidikan awal di Sekolah Melayu Kampung Tengah, Temerloh. Selepas selesai pendidikan di sekolah Melayu, beliau melanjutkan pelajaran di Sekolah Inggeris (sekolah Clifford) di Kuala Lipis mulai dari tahun 1924-1928. Selepas lulus dalam peperiksaan *Junior Cambridge* pada akhir tahun 1929, beliau kemudiannya dipindahkan ke Sekolah Inggeris Kerajaan (G.E.S) di Raub.⁵ Dengan kecerdasannya, beliau berjaya lulus dengan cemerlang dalam peperiksaan *Senior Cambridge*. Selepas lulus peperiksaan Senior Cambridge dengan mendapat pangkat pertama, Pak Sako diterima masuk ke Kolej Melayu Kuala Kangsar (MCKK) bagi menghabiskan latihan kerjayanya dalam Perkhidmatan Pentadbiran Melayu (*Malay Administrative Service M.A.S*).⁷

Pak Sako tidak melihat MCKK sebagai sebuah institusi pendidikan bagi melatih MAS, sebaliknya tempoh setahun di MCKK itu adalah proses untuk membentuk generasi muda Melayu yang bakal memegang jawatan sebagai pegawai tinggi dalam kerajaan menjadi seorang pegawai yang Pro-Barat. Pendedahan yang diperolehinya sepanjang mengikuti pendidikan Inggeris memberi kesedaran kepada beliau mengenai pentingnya wujud sebuah gerakan kebangkitan nasionalisme di Tanah Melayu.

Selepas tamat tempoh pengajian Pak Sako di MCKK sebagai Pegawai Pelatih Pentadbiran Melayu.⁸ Pak Sako kemudiannya diserap dalam Pentadbiran Kerajaan dan berkhidmat di Pejabat Daerah Temerloh, Pahang. Selepas berkhidmat di Pejabat Daerah Temerloh, Pak Sako telah ditukarkan ke Bentong pada 1932 dan di naikan pangkat menjadi Timbalan Penolong Pegawai Daerah (*Deputy Assistant District Officer- DADO*). Selepas itu, Pak Sako ditukarkan ke Rembau Negeri Sembilan.⁹ Pak Sako juga pernah dilantik menjadi majistret kelas ketiga di Kuala Lumpur,¹⁰ menjadi guru di Muar Johor,¹¹ menjadi peguam di Kemaman Terengganu. Dalam masa yang sama Pak Sako menjadi pemberita khas harian bagi *Warta Malaya*, *Warta Ahad* dan *Warta Jenaka*. Beliau turut menjadi wakil penjual akhbar.¹² Mulai 24 September 1937, Pak Sako membuat keputusan untuk bekerja sebagai seorang wartawan dan pengarang, dan bekerja dengan *Warta Malaya*, sebagai seorang pembantu pengarang.¹³

Sepanjang Pak Sako terlibat dalam pelbagai bidang pekerjaan ditambah dengan kesempatan Pak Sako menjelajah ke merata tempat. Kesempatan ini membentuk gagasan fikir Pak Sako mengenai perihai bangsa Melayu. Semasa berkhidmat di Pejabat Daerah Temerloh iaitu di akhir tahun 1932. Pak Sako banyak terdedah dengan akhbar Melayu seperti *Majlis*.¹⁴ Pak Sako bergiat aktif dalam gerakan nasionalisme sehingga dianggap sebagai salah seorang daripada pengerak yang mencetus kesedaran nasionalisme di Tanah Melayu sekitar tahun 1940-an. Pak Sako mencipta nama sebagai seorang nasionalis selepas melibatkan diri dengan Kesatuan Melayu Muda (KMM) di bawah pimpinan Ibrahim Haji

Yaakob yang ditubuhkan dalam bulan April 1938 di Bandar Kuala Lumpur.¹⁵

Penglibatan Pak Sako dalam arena politik Tanah Melayu boleh dikategorikan kepada tiga peringkat. Peringkat pertama adalah peringkat awal Pak Sako dalam dunia politik dengan penglibatan bersama Kesatuan Melayu Malaya (1939-1941). Peringkat kedua adalah penglibatan Pak Sako dalam Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) pada 1945 sehingga 1948. Peringkat ketiga merujuk kepada penglibatannya dalam politik selepas merdeka. Dalam tempoh ini, penglibatan Pak Sako dalam arena politik dapat dilihat melalui penglibatan beliau sebagai pemimpin Parti Buruh Malaya (PBM) pada tahun 1959¹⁶ dan *Socialist Front* (SF) pada tahun 1961.¹⁷

Penglibatan Pak Sako dalam PKMM dan PUTERA mencetuskan fenomena baharu dalam politik Tanah Melayu. Perkembangan ini dapat dilihat melalui penglibatan sebagai Pengerusi PUTERA dalam kerjasama antara PUTERA-AMCJA yang menatijahkan pembentukan Perlembagaan Rakyat sebagai cadangan perlembagaan untuk menggantikan *Malayan Union*. Penglibatan Pak Sako dalam perkembangan politik yang berlaku sekaligus memperlihatkan idea perjuangan Pak Sako sebagai seorang nasionalis Melayu. Antara idea perjuangan politik Pak Sako yang dapat dilihat sekitar penglibatan beliau dalam perkembangan politik dalam tempoh berkenaan ialah soal kewarganegaraan dan soal hak dan tanggungjawab rakyat bagi persekutuan Tanah Melayu. Penglibatan Pak Sako dalam merangka perlembagaan Rakyat memperlihatkan gagasan politik Pak Sako terhadap corak politik di Tanah Melayu.

Dalam sejarahnya, Pak Sako dianggap sebagai tokoh yang istimewa kerana beliau adalah tokoh sasterawan, wartawan dan politikus yang hidup dalam tiga zaman, iaitu Zaman selepas Perang Dunia Pertama, Zaman Perang Dunia Kedua dan Zaman Selepas Kemerdekaan. Pak Sako meninggal dunia dalam tahun 1991.¹⁸ Pada pertengahan tahun 1950-an, sebahagian daripada golongan nasionalis kiri yang di tahan oleh kerajaan British semasa Darurat 1948 telah dibebaskan secara berperingkat.¹⁹ Pak Sako antara tokoh nasionalis kiri yang dibebaskan oleh kerajaan British pada tahun 1953 selepas di tahan selama hampir lima tahun.²⁰ Nasionalis kiri lain seperti Ahmad Boestamam dibebaskan pada tahun 1955. Pembebasan ini membolehkan pimpinan politik kiri ini meneruskan kegiatan politik mereka.

Kemerdekaan Tanah Melayu pada 31 Ogos 1957 mencatatkan satu titik bersejarah kepada penduduk Tanah Melayu. Peristiwa penting tersebut menjadi simbolik kepada pembebasan Tanah Melayu daripada penjajahan British. Kemerdekaan Tanah Melayu pada 1957 mencatatkan Tanah Melayu sebagai sebuah Negara merdeka yang mengamalkan sistem demokrasi berparlimen dan raja berperlembagaan. Prinsip demokrasi yang diamalkan membuka ruang kepada tokoh nasionalisme Melayu untuk bergiat semula dalam lapangan politik. Ahmad Boestamam sebagai contoh telah menubuhkan Parti Rakyat Malaya manakala Pak Sako memilih untuk melibatkan diri dalam Parti Buruh Malaya, lebih awal daripada itu Dr Burhanuddin telah membuat keputusan untuk menyertai Parti Islam Se-Tanah Melayu (PAS). Menurut Ramlah Adam "Ishak sebenarnya tidak dapat melarikan diri dari kegiatan politik yang telah mendarahdaging dalam dirinya".²¹ Parti Rakyat dan Parti Buruh kemudiannya telah bergabung dalam satu Barisan Parti-parti Pembangkang

yang dikenali sebagai Front Sosialis Rakyat Malaya.²²

Gabungan politik antara Parti Buruh dengan Parti Rakyat menurut Ahmad Boestamam Masih mengikut kaedah perjuangan yang konvensional dimaksudkan untuk mencerminkan perpaduan kepelbagaian suku kaum dalam masyarakat: Parti Buruh mewakili kaum bukan Melayu khususnya golongan bangsa Cina di satu pihak dan Parti Rakyat mewakili kaum Melayu di luar Bandar yang umumnya dari kaum tani, pekebun kecil dan nelayan.²³

Pak Sako Dalam Arena Politik Pasca Merdeka 1957-1965

Parti Buruh Malaya (PBM) atau Labour Parti of Malaya (LPM).

Pembentukan Parti Buruh Malaya rentetan daripada gerakan buruh yang bergerak di peringkat negeri. Parti Buruh Malaya di Tanah Melayu bermula dengan penubuhan Parti Buruh mengikut negeri seperti Parti Buruh Pulau Pinang, Parti Buruh Selangor dan Parti Buruh Singapura. Semua Parti Buruh di Tanah Melayu mempunyai hubungan terus dengan Parti Buruh serantau dan antarabangsa. Hubungan langsung Parti Buruh British dengan semua Parti Buruh secara umumnya berasaskan kepada mempunyai persamaan dari aspek organisasi dan ideologi.²⁴ Bagaimanapun, dari aspek pelaksanaan agendanya mereka mempunyai perbezaan yang ketara.

Penggabungan Parti Buruh di Tanah Melayu melibatkan Parti Buruh Pulau Pinang, Selangor dan Singapura kemudiannya membentuk Parti Buruh Se-Malaya (PBSM) atau *Pan-Malay Labour Party* (PMLP) yang dibentuk pada 26 Jun 1952. Pembentukan PBSM ini disiarkan dalam akhbar *The Straits Times* yang bertajuk *New Labour Party Formed Pan-Malayan group wants 'free' country in 10-point plan*, akhbar ini melaporkan “*A Party delegates from Singapore, Selangor, Penang and today formed a Pan-Malayan Labour Party to co-ordinate of Labour and Socialist organisations in Malaya*”.²⁵

Pembentukan PBSM pada pertengahan Jun 1952 telah memperkemaskan lagi imej Parti Buruh sebagai parti yang menerima kepelbagaian kaum. PBSM membawa pendekatan yang lebih inklusif dengan menerima semua pertubuhan buruh dan sosialis demokratik sebagai ahli dan rakan bersama. Perlembagaan PBSM menekankan dua objektif utama iaitu:²⁶

1. Berperanan untuk menyelaraskan organisasi buruh dan sosialis untuk mencapai kemerdekaan Negara, keadilan sosial, dan kebebasan politik, sosial dan ekonomi di Malaya.
2. Mempromosikan taraf kehidupan sosial dan ekonomi yang lebih baik untuk pekerja.

Sementara itu, Tan Kim Hong dalam terbitan *Aliran Monthly* yang bertajuk *The Labour Party of Malaya 1952-1972* menyatakan:²⁷

On 5 June 1954, the PLMP took the new name of the Labour Party of Malaya (LMP). With the election of Lee Moke Sang as its Chairman, the LMP proclaimed itself a political organization to unite the workers and peasants of Malaya and struggle for a united, independent and democratic nation.

Dalam arena politik Tanah Melayu pasca Merdeka, telah tertubuh pelbagai parti yang memperjuangkan dasar dan ideologi yang berbeza-beza. Terdapat parti yang ditubuhkan mengikut kaum, berkonsepkan agama dan terdapat juga parti yang ditubuhkan merentas kaum dan agama. Antara Parti yang ditubuhkan merentas kaum dan agama ialah Parti Rakyat Malaya, Parti Buruh Malaya dan *Malayan Democratic Union*.²⁸ Parti Buruh Malaya pada peringkat awal bergerak sebagai sebuah parti berbilang kaum, keterbukaan parti ini dapat dilihat dengan penyertaan beberapa pemimpin dari pelbagai kaum seperti Mohd Sopiee, Osman Siru, Jaganathan dan Lim Yew Hock.²⁹ Parti Buruh Malaya kemudiannya mengambil keputusan untuk terlibat dalam Pilihan Raya Persekutuan 1955, dalam Pilihan Raya 1955 Parti Buruh telah memperkenalkan lapan manifesto yang diperjuangkan oleh PBM. Manifesto yang digariskan oleh PBM ialah:³⁰

1. *To implement planned economy to fulfill needs of the Malayan people. All exploitation of the workers should be stopped and all monopolies and inefficient industries should be nationalized.*
2. *To amend the Labour Law and the Trade Union Ordinance. All unions to enjoy the full rights of free assemblies and political participation.*
3. *To provide the poor with legal assistance.*
4. *To solve problems of unemployment, and to enforce minimum wage and parity for women workers.*
5. *To resolve issue of land indebtedness and to assist peasants with land, agricultural cooperatives, agricultural banks and collective farms;*
6. *To promote local industries with tariff protection;*
7. *To establish a Central Bank to regulate circulation of money and*
8. *To implement compulsory free primary education, and to develop secondary schools and tertiary education.*¹³⁵

Parti Buruh Malaya melibatkan diri dalam Pilihan Raya Kerajaan Tempatan seawal tahun 1951 kemudiannya pada tahun 1963. Dalam Pilihan Raya Umum, Parti Buruh Malaya (PBM) terlibat sebanyak tiga kali iaitu pada 1955, 1959 dan 1964 sebelum dibubarkan pada 1972. Pak Sako turut menjadi calon mewakili PBM dan SF dalam pilihan raya umum di Tanah Melayu pada tahun 1959 bagi kerusi parlimen Temerloh³¹ manakala dalam pilihan raya 1964 Pak Sako bertanding di kerusi parlimen Bukit Bintang.³² Walau bagaimanapun beliau kalah dalam kedua-dua siri pilihan raya tersebut. Pada tahun 1957, PBM telah bergabung dengan Parti Rakyat Malaya yang di pimpin oleh Ahmad Boestamam membentuk Barisan Sosialis atau *Sosialist Front*. Menurut akhbar *Berita Harian*.³³

Barisan itu, jika di-tuboh-kan akan menjadi badan penentang kepada Perikatan dalam pilihan raya Persekutuan yang akan datang. Tujuan utama penubuhan *Sosialist Front* adalah untuk mendirikan sesuatu masyarakat sosialis yang demokratik dalam Malaya merdeka.¹³⁸

Penglibatan Pak Sako dalam PBM dapat dilihat secara jelas pada tahun 1959 di mana Pak Sako telah dipilih menjadi Pengerusi Parti Buruh Malaya menggantikan D. S. Ramanathan.³⁴ Keputusan Pak Sako menyertai Parti Buruh memperlihatkan 'trio' nasionalis kiri telah memilih wadah politik yang berbeza selepas Tanah Melayu mencapai kemerdekaan. Konsep sosialisme yang menjadi teras perjuangan Pak Sako mempengaruhi keputusan Pak Sako dalam penglibatan beliau dalam Parti Buruh serta *Socialist Front*.

Socialist Front menjadi wadah yang sesuai dengan idea perjuangan politik Pak Sako, idea sosialisme dalam perjuangan politik Pak Sako sudahpun terbentuk seawal perkhidmatan beliau dalam pentadbiran kerajaan British. Gagasan pemikiran Pak Sako banyak dibentuk daripada perjuangan kebangsaan yang berlaku di Indonesia. Perjuangan menuntut hak samarata, perjuangan kaum tani dan buruh serta mewujudkan masyarakat dan Negara sosialis antara teras yang diperjuangkan oleh Pak Sako dalam lapangan politik. Pak Sako membuktikan beliau sebagai seorang nasionalis yang komited memperjuangkan nasib golongan bawahan. Pak Sako menyatakan;³⁵

“Keyakinan bahawa sistem sosialis ia-lah sistem yang sesuai bagi negeri yang di-diami oleh berbagai2 kaum yang berlainan ugama, kebudayaan dan sejarah ada-lah semakin kuat”.¹⁴⁰

Ahmad Boestamam memimpin *Socialist Front* (SF) bermula tahun 1957-1961. Selepas penggunduran Ahmad Boestamam sebagai pengerusi SF, Pak Sako telah dipilih menjadi Pengerusi Front Sosialis Rakyat Malaya bagi tahun 1961-62.³⁶ Pemilihan Pak Sako sebagai seorang nasionalis Melayu untuk memimpin Parti Buruh Malaya dan gabungan SF bertujuan untuk mencairkan semangat perkauman yang menguasai kedua-dua parti.³⁷ Keretakan gabungan *Socialist Front* disebabkan oleh berkembangnya isu perkauman yang melibatkan kepentingan kaum Cina dan kaum Melayu. PBM sebagai parti dominasi Cina tetap memperjuangkan kepentingan kaum Cina dan begitu juga sebaliknya bagi PRM sebagai parti dominasi Melayu,³⁸ antara isu-isu perkauman yang sering diperdebatkan adalah isu bahasa.³⁹

Laporan Pendidikan Rahman Talib (1960) telah menetapkan pengguguran Bahasa Cina dan Tamil sebagai bahasa pengantar di sekolah-sekolah bantuan penuh Kerajaan pada tahun 1962.⁴⁰ Walau bagaimanapun, pergolakan yang berlaku dalam SF bertambah kritikal terutamanya selepas Pilihan Raya 1964. Dalam PRU 1964, PBM dan PRM telah mengalami kekalahan yang teruk. Kekalahan ini menyebabkan kedua-dua parti saling menunding jari mengenai kekalahan yang dihadapi. Bibit perpecahan dalam SF semakin jelas dengan tindakan saling menunding jari antara Parti Rakyat dan Parti Buruh. Kekalahan SF dalam Pilihan Raya ini menurut PBM disebabkan oleh kegagalan PRM dalam menarik sokongan undi Melayu. Hal ini kerana, daripada 8 kerusi yang dimenangi oleh SF, lima calon dari dan tiga dari Pulau Pinang. Kemenangan SF di kerusi parlimen ini diperolehi dari kawasan yang majoriti penduduknya orang-orang bukan Melayu.⁴¹

Dalam siri Pilihan Raya 1959 dan 1964, dapat dilihat penerimaan masyarakat terhadap SF semakin menurun. Pilihan Raya Umum 1964 ini turut mencatatkan kekalahan kedua Pak Sako dalam kawasan yang beliau tandangi.⁴² Pilihan Raya 1964, Sosialis Front telah bertanding sebanyak 63 kerusi parlimen dan sebanyak 167 kerusi di dewan undangan negeri. Pilihanraya 1964 memperlihatkan Sosialis Front hanya memenangi 2 daripada 63 kerusi parlimen yang ditandingi, di peringkat negeri SF hanya memenangi 8 kerusi daripada 167. Pencapaian SF dalam Pilihan Raya 1964 adalah lebih teruk berbanding pencapaian SF dalam pilihanraya 1959. Di dalam Pilihan Raya 1959, di peringkat negeri SF memenangi 16 kerusi daripada 188 kerusi yang di tandangi, manakala di kerusi parlimen SF memenangi 8 daripada 30 kerusi yang ditandingi. Melihat kepada keputusan dalam dua pilihanraya ini, SF dilihat tidak dapat penerimaan daripada rakyat Tanah Melayu. Antara faktor yang menyumbang kepada kehilangan sokongan Melayu terhadap SF ialah label “komunis’ yang digunakan oleh UMNO dan kerajaan Perikatan kepada SF.⁴³

Gabungan SF mula mengalami kemerosotan sekitar awal tahun 1960-an disebabkan oleh berlakunya pergolakan dalam kalangan parti-parti komponen SF iaitu Parti Buruh (PBM) dan Parti Rakyat (PRM) yang melibatkan isu-isu perkauman, antara isu-isu perkauman yang sering diperdebatkan adalah isu bahasa.⁴⁴ Isu bahasa ini hangat diperdebatkan selepas kerajaan memperkenalkan Laporan Pendidikan Rahman Talib (1960), laporan ini telah menetapkan pengguguran Bahasa Cina dan Tamil sebagai bahasa pengantar di sekolah-sekolah bantuan penuh kerajaan pada tahun 1962. Tindakan PBM menentang laporan ini akhirnya telah menimbulkan krisis dalaman SF.

Pada hakikatnya PBM dan PRM menyedari ancaman perkauman dalam gabungan SF, kegagalan SF dalam menepis isu perkauman akan melemahkan gabungan SF dalam menghadapi musuh politik lain dan menyebabkan SF semakin hilang tumpuan dalam memperjuangkan isu-isu rakyat seperti isu-isu kemiskinan, pengangguran, penindasan kelas bawahan dan lain-lain lagi.⁴⁵ Menyedari keadaan ini, SF telah menggariskan beberapa matlamat untuk mengatasi masa ini:

- _(a) Mengubah ‘tanggapan PBM adalah parti Cina, dengan memasukkan orang Melayu ke dalam eksekutifnya.
- (b) Menggariskan dasar nasionalis yang kuat dalam polisi parti.
- (c) Kempen yang berterusan dari luar dan dalam SF menentang semua bentuk perkauman.

Di atas inisiatif SF, Ishak Hj. Muhammad telah didesak supaya menganggotai PBM di mana ia kemudiannya menjawat jawatan pengerusi. Selepas pilihanraya Lim Kean Siew dari PBM telah dilantik menjadi Penasihat Umum PRM. Namun demikian langkah ini tidak membawa apa-apa perubahan yang bermakna. SF terpaksa menghadapi semua masalah ini selagi ianya terus wujud dan sebab-sebab inilah membawa kepada perpecahan SF.¹⁵⁰

Penyertaan Pak Sako dalam PBM dan *Socialist Front* sebagai usaha untuk menyelesaikan krisis yang dihadapi. Pak Sako menyertai PBM, beliau kemudiannya dilantik menjadi pengerusi PBM. Di peringkat SF, Ishak telah dilantik sebagai Setiausaha Agong SF dan pada tahun 1961 beliau telah melantik menjadi pengerusi SF.⁴⁶

Pak Sako dilihat sebagai tokoh yang sesuai dalam memimpin PBM bagi menghakis stigma PBM adalah parti Cina kerana Pak Sako merupakan nasionalis Melayu yang berpendidikan tinggi dibandingkan tokoh nasionalis lain. Ketokohan Pak Sako juga dilihat mampu mengimbangi pengaruh golongan intelektual Cina yang banyak menyertai PBM. Parti Buruh didominasi oleh golongan intelektual Cina yang berpendidikan Inggeris dan berpendidikan Cina. Golongan pemimpin Cina yang berpendidikan Inggeris dalam pergerakan PBM lebih bersikap sederhana (*moderate*) dan tidak begitu bersifat perkauman, golongan ini memperjuangkan ideologi sosialisme dengan perjuangan kepentingan kelas pekerja adalah menjadi asas utama perjuangan mereka.⁴⁷ Golongan pemimpin Cina berpendidikan Inggeris ini mempunyai pertentangan idea dengan golongan pemimpin Cina berpendidikan Cina yang berada dalam PBM. Golongan berpendidikan Cina dijelaskan oleh Milne dan Mauzy sebagai “*a radical chauvinistic wing of primarily Chinese-educated Chinese who espoused a more revolutionary socialist line*”.⁴⁸

Semasa Pak Sako memimpin Parti Buruh Malaya (PBM) dan *Socialist Front*, cabaran utama bagi Pak Sako adalah memastikan kesepakatan antara gabungan dua parti dapat dijaga. SF diancam dengan krisis kepercayaan oleh orang Melayu apabila SF dilihat memperjuangkan hak kesamarataan yang akan menggugat status quo orang Melayu dan kedudukan Raja-Raja Melayu. Persepsi yang timbul ini menyebabkan SF mengalami krisis sokongan orang Melayu, dalam pada masa yang sama, SF juga turut menghadapi masalah dalaman apabila berlaku krisis antara golongan nasionalis Melayu dan Cina dalam gabungan ini. Pak Sako antara nasionalis yang mengambil tanggungjawab untuk memastikan isu-isu berbangkit ini tidak memberi kesan kepada pakatan SF sekaligus menjamin keberlangsungan SF dalam arena politik Tanah Melayu.

Namun, menjelang akhir tahun 1964 kesatuan Sosialis Front sudah berada pada situasi yang sangat meruncingkan, keadaan ini diburukkan lagi apabila dalam pertengahan tahun 1960-an, golongan Cina berpendidikan Cina telah berjaya meraih kemenangan di dalam pemilihan pimpinan parti mengatasi golongan Cina berpendidikan Inggeris yang lebih bersifat sederhana dalam pendekatan politik sebelum ini, perubahan tampuk pimpinan ini memperlihatkan perubahan PBM ke arah ideologi yang melampau yang dianggap sebagai “*a blatant pro-communist (pro Peking) and Chinese Chauvinist character*”.⁴⁹ SF yang terperangkap dengan isu perkauman yang mencetus pergolakan berpanjangan antara Parti Rakyat dan Parti Buruh, ditambah dengan beberapa tokoh utama SF yang ditangkap sewaktu peristiwa penentangan Indoensia terhadap gagasan pembentukan Malaysia telah menyebabkan SF semakin lemah. Keadaan ini akhirnya menyebabkan PRM dan PBM telah mengambil langkah untuk membawa haluan masing-masing. Penangkapan Pak Sako di bawah kerajaan Perikatan pada tahun 1965 telah menyebabkan kegiatan dan perjuangan Pak Sako dalam PBM dan SF terhenti.

Pak Sako berundur daripada *Socialist Front* pada tahun 1964. Kenyataan turut disiarkan dalam akhbar *The Straits Times* pada 20 Julai 1964 yang bertajuk “*Ishak gives up as Front Chairman*”.⁵⁰ Dalam kenyataan lain, akhbar *Berita Harian* menyebut “krisis itu umum nampak-nya kerana menyentuh juga kepimpinan parti itu sendiri. Inche Ishak bin Haji Mohammed, Ketua Parti Buruh Malaya khabar-nya hendak menarek diri”.⁵¹

Oleh itu, krisis *Socialist Front* yang semakin teruk turut menyumbang kepada pengunduran Pak Sako daripada *Socialist Front*. Pak Sako ditangkap pada 27 Januari 1965,⁵² Penangkapan Pak Sako turut disiarkan dalam laporan akhbar *The Straits Times* yang bertajuk “*The Plot that flopped*”.⁵³ Pak Sako ditangkap untuk kali ketiga atas tuduhan bekerjasama dengan kerajaan Indonesia untuk mengguling dan menyerang Malaysia.

Pengunduran Pak Sako dari *Socialist Front* telah dibincangkan dalam Kongres *Socialist Front* yang dianjurkan pada tahun 1964. Kongres berkenaan juga bertujuan membincangkan laporan yang dikeluarkan oleh Majlis Kerja Pusat berkaitan dengan sikap kerajaan menjalankan penangkapan terhadap anggota-anggota parti pembangkang menjelang pilihan raya.⁵⁴ Tulisan Tan Kim Hong yang bertajuk *The Labour Party of Malaya 1957-1972 A Brief History of Its Rise and Demise* dalam majalah Aliran Monthly menyatakan;⁵⁵

Penglibatan PBM dalam demonstrasi yang berakhir dengan hartal di Pulau Pinang pada tahun 1967 sebagai tindak balas kepada penurunan nilai mata wang Malaysia telah menyebabkan banyak pimpinan PBM yang telah ditahan melalui ISA. Parti Buruh menjadi lumpuh apabila cawangan Pulau Pinang, Johor dan Melaka dan 36 cabang di seluruh Negara diharamkan. Dalam Pilihan Raya 1969, Parti Buruh telah memboikot Pilihan Raya 1969 sebagai protes terhadap tindakan kerajaan menangkap anggota partinya. Selepas peristiwa 13 May, 17 cabang Parti Buruh turut diharamkan dan lebih seratus anggotanya ditahan. Pada September 1972, pendaftaran Parti Buruh Malaya telah dibatalkan oleh Pendaftar Pertubuhan kerana kegagalannya mengemukakan laporan tahunan selama beberapa tahun.

Pembatalan penubuhan Parti Buruh ini turut disiarkan dalam akhbar *The Straits Times* bertajuk *Labour Party struck off register* menyebut “*The 20-year-old Labour Party of Malaya has been officially de-registered by order of the Registrar of Societies, Inche Kassim Mohamed Amin*”.⁵⁶

Idea Politik Sosialisme Pak Sako

Socialist Front pada peringkat awal penubuhannya merupakan satu gabungan parti parti politik daripada pelbagai kaum. Penubuhan Parti Rakyat Malaya (PRM) yang dipimpin oleh Ahmad Boestamam banyak dianggotakan oleh kaum tani dan buruh, manakala dalam Parti Buruh Malaya (PBM) banyak menerima keanggotaan daripada golongan berpendidikan yang kebanyakannya daripada kaum Cina. Pak Sako memimpin *Socialist Front* pada tahun 1961 sehingga 1964 menggantikan pengerusi SF yang pertama iaitu Ahmad Boestamam. Lantikan Pak Sako sebagai pengerusi SF ini turut disiarkan oleh *Berita Harian* yang bertajuk Rasmi: Isako Ketua S.F.⁵⁷ Gabungan SF menjadi gabungan sosialis yang kuat kerana perjuangan kedua-dua parti berdasarkan ideologi sosialisme, parti yang memperjuangkan kepentingan kelas bawahan tanpa mengira kaum.⁵⁸ Ahmad Nidzammuddin menyebut berkaitan dengan perjuangan sosialisme PBM dalam makalah beliau yang bertajuk Aliran kiri di dalam politik perkauman Malaya/Malaysia, 1955-1969 bahawa.⁵⁹

“Parti ini memperjuangkan sosialismenya dengan menuntut pemiliknegeraan industri, perlombongan dan lading-ladang getah. Parti ini juga menganjurkan pembentukan satu masyarakat yang bebas dan samarata; masyarakat yang bekerjasama bagi mengagihkan pendapatan Negara dengan samarata di bawah satu sistem ekonomi yang dirancang.”

Platform PBM dan SF sebagai medium yang sesuai dengan agenda perjuangan Pak Sako sebagai nasionalis yang beraliran sosialis. Pak Sako turut menyebut pemilihan *Socialist Front* sebagai wadah politik kerana “hanya Front Sosialis sahaja berupa satu-satu pertubuhan yang boleh menghindarkan perasaan melampau-lampau dalam soal ugama dan bangsa”⁶⁰

Idea perjuangan Pak Sako dapat dilihat dengan pandangan-pandangan Pak Sako terhadap pelaksanaan-pelaksanaan kerajaan Persekutuan yang menindas rakyat terutamanya dalam isu kebajikan rakyat di Tanah Melayu. Pandangan Pak Sako dapat dilihat melalui laporan-laporan akhbar seperti *Berita Harian* yang menyebut “Inche Ishak menyeru Kerajaan supaya Chukai kepada ra’ayat miskin harus di-kurangkan daripada orang kaya”.⁶¹ Seruan Pak Sako terhadap konsep kesamarataan yang selari dengan tuntutan sosialisme. Dalam laporan akhbar lain, Pak Sako turut memberikan pandangan mengenai keutamaan pendidikan sebagai proses pembentukan modal insan berbanding dengan proses pembangunan, hal ini dapat dilihat melalui desakan beliau supaya dititik beratkan soal pelajaran berbanding usaha untuk memajukan kawasan kampung pada ketika itu.⁶²

Selain itu, idea politik sosialisme Pak Sako dapat dilihat dengan kenyataan beliau mengenai perubahan penting yang diperlukan oleh penduduk Tanah Melayu pada ketika ini. Kenyataan beliau dalam *Berita Harian* menyebut,⁶³

“Pertama-mewujudkan satu kepribadian di kalangan rakyat negeri ini. Dengan mengasingkan berbagai-bagai bangsa sebagaimana berlaku dalam Perikatan, maka tidak ada kemungkinan untuk mewujudkan satu bangsa Malaya.

Kedua-Perubahan tentang cara milik tanah untuk membebaskan kaum tani daripada tekanan-tekanan tuan punya tanah...

Ketiga-melaksanakan satu susunan ekonomi yang baharu dalam mana kaum buru tidak lagi akan di perah.

Keempat- satu susunan sosial yang baharu dalam mana keperluan-keperluan orang-orang Islam akan dipenuhi dan di samping itu dihindarkan petualang petualang politik dan kaum feodal menggunakan agama sebagai alat untuk menekan kaum tani dan pekerja. Perubahan-perubahan itu akan tercapai dengan adanya ekonomi berchorak sosialis. Inche Ishak menambah.”

Idea Politik Pak Sako terhadap Gagasan Pembentukan Malaysia

Kancah politk di Tanah Melayu sekali lagi bergolak apabila Tunku Abdul Rahman mengemukakan gagasan pembentukan Malaysia pada tahun 1961. Dalam isu pembentukan Malaysia, SF yang dipengerusikan oleh Pak Sako mengambil pendekatan mengkritik tindakan kerajaan di bawah Perikatan. Tindakan Tunku Abdul Rahman di bawah kerajaan Tanah Melayu ini telah memperlihatkan penglibatan Pak Sako secara langsung dalam

mengecam gagasan pembentukan Malaysia yang melibatkan Tanah Melayu, Sabah, Sarawak, Brunei dan Singapura.

Cadangan mengenai gagasan pembentukan Malaysia ini turut mendapat penentangan daripada tokoh seperti Ahmad Boestamam dan Dr. Burhanuddin yang menentang melalui platform parti masing-masing. Pak Sako memperlihatkan penentangan beliau melalui Parti Buruh Malaya dan *Socialist Front*, Ahmad Boestamam melalui suara Parti Rakyat Malaya dan Dr Burhanuddin melalui Parti Islam Se-Tanah Melayu (PAS). Bagi Pak Sako, Ahmad Boestamam dan Dr. Burhanuddin, penentangan mereka terhadap gagasan pembentukan Malaysia adalah bertitik tolak dari idea perjuangan awal mereka sewaktu berada dalam Pertubuhan Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) iaitu pembentukan Malaya Raya.

Pada hakikatnya Pak Sako dan *Socialist Front* menyokong proses pembentukan Malaysia namun menentang daripada pelaksanaannya. Hal ini dapat dilihat menerusi kenyataan Pak Sako dalam akhbar *Berita Harian* yang menyebut “Sosialis Front menerima gagasan itu pada dasar-nya tetapi menolak chara2 pelaksanaan gagasan itu”⁶⁴. Dalam kenyataan lain Socialist Front berpendirian bahawa:

“Perchantuman ada-lah soal yang penting dan kami bersetuju pada dasar-nya terhadap konsep itu kerana konsep itu berarti persatuan antara ra’ayat di wilayah2 ini untuk menentukan nasib mereka sendiri”

Kecaman Pak Sako terhadap gagasan pembentukan Malaysia dapat dilihat apabila Kerajaan Persekutuan “mengabaikan Indonesia” dalam rancangan itu.⁶⁵ Dalam kenyataan lain, Pak Sako turut menyebut

“Saya bersetuju dengan konsep pencantuman itu ada dasar-nya kerana itu ada lah hasil dari proses sejarah. Sa-lain dari itu, ra’ayat di-wilayah2 ini adalah ra’ayat Melayu Raya berdasarkan sejarah dan mereka mempunyai nasib yang sama.”

Usaha menyokong pembentukan Malaysia ini dapat dilihat dengan tindakan susulan daripada *Socialist Front* dengan melantik satu perwakilan seramai lima orang untuk membuat laporan dan tinjauan terhadap pandangan pendudukan di negeri-negeri Borneo terhadap rancangan Pembentukan Malaysia. Kenyataan di dalam akhbar *Berita Harian* adalah seperti berikut;⁶⁶

“Anggota2 perwakilan itu ia-lah: Inche Ishak Haji Muhammad (Pengerusi Front Sosialis), Tuan Lim Kean Siew (Setiausaha Agong), Inche Nazar Nong (Penolong Setiausaha Agong), Inche Omar Nordin (mewakili Parti Rakyat) dan Tuan V. David (mewakili Parti Buroh)”.

Selain *Socialist Front*, Parti Islam Se-Tanah Melayu (PAS) juga turut mengkritik cara pelaksanaan yang “mengabaikan Indonesia” dalam rancangan tersebut. Kritikan PAS ini dapat dilihat melalui akhbar *Berita Harian* yang memetik ucapan Senator Amaluddin Darus, Ketua Pemuda PAS berkenaan dengan cadangan Pembentukan Malaysia, menurut beliau:⁶⁷

“Rancangan Malaysia yang dianjurkan oleh Kerajaan Perikatan itu memberi kesukaan hanya kepada orang-orang bukan Melayu kerana dalam rancangan itu tidak termasuk Indonesia”.

Menurut beliau lagi,⁶⁸

“Jika Melayu Raya terbentuk yang di dalamnya termasuk Indonesia, maka jumlah orang Melayu akan lebih ramai. Tetapi Malaysia bukan Melayu Raya, dan kerana Malaysia tidak termasuk Indonesia”.

Dalam hal ini, rancangan pembentukan Malaysia secara asasnya mendapat sokongan daripada *Socialist Front*, Parti Islam Se-Malaya dan Pak Sako sendiri. Penentangan dan kecaman terhadap usaha pembentukan Malaysia ini hanya berlaku disebabkan oleh Indonesia yang dikecualikan dalam pembentukan ini. Perjuangan penyatuan Indonesia dalam pembentukan Malaysia ini merupakan agenda penting yang diperjuangkan oleh nasionalis seperti Pak Sako sejak awal penglibatan beliau dalam gerakan politik kiri.

Socialist Front menjadi entiti politik yang berpengaruh dan penting dalam lapangan politik Tanah Melayu, selepas perikatan dan Parti Islam Se-Malaysia (PAS). Malaysia yang diperintah oleh Parti Perikatan pada masa itu melihat *Socialist Front* sebagai sebuah gerakan yang boleh mencabar kedudukan Parti Perikatan, *Socialist Front* juga dilihat sebagai ancaman kepada Perikatan kerana kecenderungannya terhadap Parti Nasionalis Indonesia yang dipimpin oleh Soekarno. Tindakan Indonesia melancarkan Ganyang Malaysia pada tahun 1963 telah menyebabkan beberapa pimpinan politik kiri di Tanah Melayu telah ditahan kerana dituduh bekerjasama dengan Indonesia. Antara yang ditahan ialah Abdul Aziz bin Ishak, Dr Burhanuddin Al-Helmy dan Ishak bin Haji Mohammad sendiri. Tindakan kerajaan Malaysia terhadap pimpinan politik kiri ini turut disiarkan dalam akhbar tempatan dan antarabangsa, antaranya akhbar *Canberra Times* yang bertajuk *another three ‘plotters’ arrested*, akhbar ini menyatakan,⁶⁹

“The Malaysia Government has arrested three more politicians for allegedly plotting an armed rebellion. They are Inche Abdul Aziz Bin Ishak, a younger brother of Singapore’s head of state. Tun Yusof Bin Ishak the president of the conservative Moslem pan-Malayan Islamic Party, Dr Burhanuddin Al-Helmy and a former president of the Socialist Front. Inche Ishak Bin Haji Mohamed”.

Isu melibatkan pembentukan Malaysia, Persekutuan Tanah Melayu turut mendapat tekanan daripada Indonesia, hal ini kerana Indonesia berpendirian proses pembentukan Malaysia sebagai sebuah bentuk penjajahan baru yang diperkenalkan oleh British di Asia Tenggara. Oleh hal yang demikian, sebagai reaksi menentang tindakan Malaysia ini, Indonesia telah melancarkan konfrontasi terhadap Persekutuan Tanah Melayu yang juga dikenali sebagai Ganyang Malaysia pada tahun 1965. Tindakan konfrontasi yang dilakukan oleh Indonesia terhadap Malaysia telah mengubah pendirian Pak Sako, peristiwa penting tersebut telah memberi ancaman kepada rakyat Malaysia dan kedaulatan Malaysia sendiri.

Susulan itu, Pak Sako membuat kenyataan secara terbuka dalam wawancara beliau bersama media Malaysia bahawa tindakan menyokong Indonesia selama ini sebagai satu kesilapan beliau. Berikut antara kenyataan Pak Sako dalam wawancara beliau yang dipetik oleh akhbar Berita *Harian berkata*:⁷⁰

Now, after deliberations since my detention. I am convinced that I have made a big blunder. ...After considerable thought and meditation in solitude, I am now convinced that I have been made a real fool of myself. Here in Malaya our Government is just and free, the people in Malaya can listen daily to Indonesian propaganda broadcast from many station-Medan, Pekan Baru, Palembang-and many are therefore influenced by that propaganda. But I now stress to all-please don't listen to empty promises.

Kesimpulan

Kajian ini menunjukkan bahawa Pak Sako memainkan peranan penting dalam mengembangkan wacana sosialisme progresif di Tanah Melayu melalui penyertaannya dalam Parti Buruh Malaya dan Socialist Front. Kepemimpinan beliau bukan sahaja memberi wajah baharu kepada PBM sebagai parti berbilang kaum, tetapi juga menzahirkan usaha menyatukan perjuangan nasionalisme kiri dengan agenda kelas bawahan. Walaupun usaha ini disokong oleh idealisme yang kuat, dinamika politik dalaman PBM dan SF serta tekanan luar seperti isu perkauman, retorik anti-komunis, dan Konfrontasi Indonesia telah melemahkan gerakan kiri secara keseluruhan.

Keterlibatan Pak Sako dalam menentang kaedah pelaksanaan pembentukan Malaysia — meskipun tidak menolak konsep penyatuan — mencerminkan kelantangan beliau sebagai nasionalis yang kritis terhadap dasar kerajaan tetapi tetap akur apabila keselamatan negara menjadi pertimbangan utama. Pengunduran beliau daripada SF dan penahanannya pada tahun 1965 menandakan kemerosotan terakhir bagi gerakan kiri yang pernah menjadi kekuatan politik ketiga di Tanah Melayu.

Secara keseluruhannya, penglibatan Pak Sako antara 1957 hingga 1965 mencerminkan kompleksiti perjuangan politik kiri dalam negara berbilang kaum yang sedang membina identiti kebangsaan. Walaupun gerakan kiri akhirnya menyusut, sumbangan Pak Sako tetap signifikan dari segi pengagasan idea kesamarataan sosial, pembelaan terhadap kelas pekerja, dan kritikan terhadap dasar yang tidak adil. Warisan pemikiran dan perjuangannya wajar dinilai semula sebagai sebahagian daripada wacana besar sejarah politik Malaysia moden.

Penghargaan (Times New Roman, font size 12 Bold)

Saya ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam memberi peluang dan nilai tambah dalam menerbitkan makalah ini.

Bibliography

- Mohamad Fakhrol Anuar bin Mohamed Ramli dan Faisal@Ahmad Faisal bin Abdul Hamid. 2016. Haji Ishak Bin Haji Muhammad (Pak Sako): Pengasas Jati diri dan Integriti Bangsa. Jurnal al Muqaddimah. Volume 4(1). 79.
- Tan Kim Hong. The Labour Party of Malaya 1952-1972. *Aliran Monthly*: Vol.28(10). 30
- Tan Kim Hong. The Labour Party of Malaya 1952-1972. *Aliran Monthly*: Vol.28(10). 31.
- Ahmad Nidzammuddin bin Sulaiman. 1988. Aliran Kiri Dalam Politik Perkauman Malaya/Malaysia. *Jebat* 16 (1988) 63-80. 64.
- Ahmad Nidzammuddin bin Sulaiman. 1988. Aliran Kiri Dalam Politik Perkauman Malaya/Malaysia. *Jebat* 16(1988) 63-80. Hlm 68
- Tan Kim Hong. The Labour Party of Malaya 1952-1972. *Aliran Monthly*: Vol.28(10). 33.
- Ishak Haji Muhammad, 1997. Memoir Pak Sako Putera Gunung Tahan, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Wahba, 1991. Biografi Pak Sako Hidup Menanti Ranjau, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ishak Haji Muhammad, 1975. Pengalaman Pak Sako Tiga Tahun Di Singapura, Petaling Jaya: Pustaka Budaya Agency.
- Ahmad Boestamam, 2004. Memoir Ahmad Boestamam: Merdeka Dengan Darah Dalam Api, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- 1957/0693944. *Federal Parliamentary Election*.
- 1974/0001683. *Report on the Parliamentary (Dewan Ra'ayat) and State Legislative Assembly General Election 1964 of the State of Malaya*.
- 1974/0001683. *Report on the Parliamentary (Dewan Ra'ayat) and State Legislative Assembly General Election 1964 of the State of Malaya*.
- Banned Party's Ex-Chief is New Leader. *The Straits Times*. Oktober,19,1959. 10.
- Labour Chief Ishak is New Head of Front. *Berita Harian*. April,17,1961. 1
- Ex-Party Boss Gets Freedom and a Job. *The Straits Times*. May,22,1953. 5.
- The Oldest of the Three and Longest in the Political Arena. *The Straits Times*. Januari,30,1965. 9.
- New Labour Party Formed Pan-Malayan Group Wants 'Free' Country In 10-Point Plan. *The Straits Times*. Jun,27,1952. 1.
- Hendak Menuboh Barisan Sosialis. *Berita Harian*. Julai,20,1957. 2.
- Ishak: Ada Harapan Baik SF Bertapak Di-Pantai Timor. *Berita Harian*. April,16,1961. 8. Rasmi: Isako Ketua S.F. *Berita Harian*. 17 April,17,1961. 1.
- Ishak Gives Up as Front Chairman. *The Straits Times*. Julai,20,1964. 1.
- Perpecahan dalam Sosialis Front?. *Berita Harian*. Julai,18,1964. 4.
- The Plot That Flopped. *The Straits Times*. Januari,31,1965. 1.
- Kongres SF di-Ibu Kota Hari Ini. *Berita Harian*. Julai,19,1964. 10.
- Labour Party Struck Off Register. *The Straits Times*. September,7,1972. 6.
- Ishak jadi Ahli Front sosialis. *Berita Harian*. 15 Julai 1959. 3.
- Meter Motorkar2 Sewa: Ishak Mohamad Menudoh Kerajaan Menjalankan Langkah2 Penindasan. *Berita Harian*. Februari,19,1960. 2.
- Fikiran Ishak tentang kemajuan kampung. *Berita Harian*. Februari,2,1961. 2.
- Ishak Tidak Ikut P-Raya Kuala Lipis. *Berita Harian*. September,13,1962. 5.
- Malaysia Raya: SF Pileh 5 untuk Membuat Satu Laporan. *Berita Harian*. September,5,1961. 5.
- PAS: Malaysia Tanpa Indonesia Tidak Akan Untongkan Melayu. *Berita Harian*. September,11,1962. 2.
- Another Three 'Plotters' Arrested. *Canberra Times (ACT:1926-1995)*, Januari,30,1965. 5.
- Traitor Ishak: I Took Soekarno Cash. *The Strait Times*. Februari,14,1965. 1.

¹ Ishak Haji Muhammad. 1997. *Memoir Pak Sako Putera Gunung Tahan*. Universiti Kebangsaan Malaysia. Hlm 29

² Ibid. hlm 29

³ Wahba. 1991. *Biografi Pak Sako Hidup Menanti Ranjau*. Hlm ix

-
- ⁴ Mohamad Fakhru Anuar bin Mohamed Ramli dan Faisal@Ahmad Faisal bin Abdul Hamid. 2016. Haji Ishak Bin Haji Muhammad (Pak Sako): Pengasas Jati diri dan Integriti Bangsa. *Jurnal al Muqaddimah*. Volume 4(1). Hlm 79
- ⁵ Wahba. 1991. *Biografi Pak Sako Hidup Menanti Ranjau*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka. Hlm 96
- ⁶ Mohamad Fakhru Anuar bin Mohamed Ramli dan Faisal@Ahmad Faisal bin Abdul Hamid. 2016. Haji Ishak Bin Haji Muhammad (Pak Sako): Pengasas Jati diri dan Integriti Bangsa. *Jurnal al Muqaddimah*. Volume 4(1). Hlm 78.
- ⁷ Mohamad Fakhru Anuar bin Mohamed Ramli dan Faisal@Ahmad Faisal bin Abdul Hamid. 2016. Haji Ishak Bin Haji Muhammad (Pak Sako): Pengasas Jati diri dan Integriti Bangsa. *Jurnal al Muqaddimah*. Volume 4(1). Hlm 78.
- ⁸ Mohamad Fakhru Anuar bin Mohamed Ramli dan Faisal@Ahmad Faisal bin Abdul Hamid. 2016. Haji Ishak Bin Haji Muhammad (Pak Sako): Pengasas Jati diri dan Integriti Bangsa. *Jurnal al Muqaddimah*. Volume 4(1). Hlm 78
- ⁹ Ishak Haji Muhammad. 1996. *Memoir Pak Sako Putera Gunung Tahan*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.hlm.103
- ¹⁰ Ibid. Hlm 116.
- ¹¹ Ibid. Hlm 137.
- ¹² Ishak Haji Muhammad. 1996. *Memoir Pak Sako Putera Gunung Tahan*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia. Hlm 142
- ¹³ Ibid.Hlm 145.
- ¹⁴ Ishak Haji Muhammad. 1975. *Pengalaman Pak Sako Tiga Tahun Di Singapura*. Petaling Jaya: Pustaka Budaya Agency. Hlm 1-2.
- ¹⁵ Ibid. Hlm 198.
- ¹⁶ Banned Party's Ex-Chief is New Leader. *The Straits Times*. 19 Oktober 1959. Hlm 10.
- ¹⁷ Labour Chief Ishak is New Head of Front. *Berita Harian*. 17 April 1961. Hlm 1
- ¹⁸ Mohamad Fakhru Anuar bin Mohamad Ramli & Faisal@Ahmad Faisal bin Abdul Hamid. (2016). Haji Ishak bin Haji Muhammad (Pak Sako) Pengasas Jati Diri dan Integriti Bangsa. *Jurnal Mukadimah*. Volume 4(1), 77-96. Hlm 78
- ¹⁹ Ex-Party Boss Gets Freedom and a Job. *The Straits Times*. 22 May 1953. Hlm 5.
- ²⁰ The Oldest of the Three and Longest in the Political Arena. *The Straits Times*. 30 Januari 1965. Hlm 9.
- ²¹ Ramlah Adam. 1993. Ishak Haji Muhamad: *Satu Analisis Terhadap Ketokohnya Dalam Politik Malaysia*. Universiti Malaya. Hlm 23.
- ²² Ishak Haji Muhammad. 1997. *Memoir Pak Sako: Putera Gunung Tahan*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia. Hlm 231.
- ²³ Ahmad Boestamam.2004. *Memoir Ahmad Boestamam: Merdeka Dengan Darah Dalam Api*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia. Hlm 35.
- ²⁴ Tan Kim Hong. The Labour Party of Malaya 1952-1972. *Aliran Monthly*: Vol.28(10). Hlm 30
- ²⁵ New Labour Party Formed Pan-Malayan Group Wants 'Free' Country In 10-Point Plan. *The Straits Times*. 27 Jun 1952. Hlm 1.
- ²⁶ Tan Kim Hong. The Labour Party of Malaya 1952-1972. *Aliran Monthly*: Vol.28(10). Hlm 31. ¹³² Ibid. Hlm 31
- ²⁷ Ibid. Hlm 31

-
- ²⁸ Ahmad Nidzammuddin bin Sulaiman. 1988. Aliran Kiri Dalam Politik Perkauman Malaya/Malaysia. *Jebat 16* (1988) 63-80. Hlm 64.
- ²⁹ Ibid
- ³⁰ Ibid. Hlm 31
- ³¹ 1957/0693944. *Federal Parliamentary Election*. Hlm 2
- ³² 1974/0001683. *Report on the Parliamentary (Dewan Ra'ayat) and State Legislative Assembly General Election 1964 of the State of Malaya*. Hlm 152
- ³³ Hendak Menuboh Barisan Sosialis. *Berita Harian*. 20 Julai 1957. Hlm 2
- ³⁴ Banned Party's Ex-Chief is New Leader. *The Straits Times*. 19 Oktober 1959. Hlm 10
- ³⁵ Ishak: Ada Harapan Baik SF Bertapak Di-Pantai Timor. *Berita Harian*. 16 April 1961. Hlm 8. ¹⁴¹ Rasmi: Isako Ketua S.F. *Berita Harian*. 17 April 1961. Hlm 1
- ³⁶ Rasmi: Isako Ketua S.F. *Berita Harian*. 17 April 1961. Hlm 1
- ³⁷ Ramlah Adam. 1993. Ishak Haji Muhammad: *Satu Analisis Terhadap Ketokohnya Dalam Politik Malaysia*. Universiti Malaya. Hlm 24
- ³⁸ Ahmad Nidzammuddin bin Sulaiman. 1988. Aliran Kiri Dalam Politik Perkauman Malaya/Malaysia. *Jebat 16* (1988) 63-80. Hlm 69
- ³⁹ Ibid. Hlm 70.
- ⁴⁰ Ibid. Hlm 70.
- ⁴¹ Ahmad Nidzammuddin bin Sulaiman. 1988. Aliran Kiri Dalam Politik Perkauman Malaya/Malaysia. *Jebat 16*(1988) 63-80. Hlm 68
- ⁴² 1974/0001683. *Report on the Parliementary (Dewan Ra'ayat) and State Legislative Assembly General Election 1964 of the State of Malaya*. Hlm 152
- ⁴³ Ramlah Adam. 1993. Ishak Haji Muhammad: *Satu Analisis Terhadap Ketokohnya Dalam Politik Malaysia*. Universiti Malaya. Hlm 25
- ⁴⁴ Ahmad Nidzammuddin bin Sulaiman. 1988. Aliran Kiri Dalam Politik Perkauman Malaya/Malaysia. *Jebat 16*(1988) 63-80. Hlm 70
- ⁴⁵ Ibid Hlm 69
- ⁴⁶ Labour Chief Ishak is New Head of Front. *The Straits Times*. 17 April 1961. Hlm 1
- ⁴⁷ Ahmad Nidzammuddin bin Sulaiman. 1988. Aliran Kiri Dalam Politik Perkauman Malaya/Malaysia. *Jebat 16*(1988) 63-80. Hlm 76
- ⁴⁸ Ibid
- ⁴⁹ Ibid. Hlm 77
- ⁵⁰ Ishak Gives Up as Front Chairman. *The Straits Times*. 20 Julai 1964.
- ⁵¹ Perpecahan dalam Sosialis Front? *Berita Harian*. 18 Julai 1964. Hlm 4
- ⁵² Ishak Haji Muhammad. 1997. *Memoir Pak Sako Putera Gunung Tahan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia. Hlm 249
- ⁵³ The Plot That Flopped. *The Straits Times*. 31 Januari 1965. Hlm 1
- ⁵⁴ Kongres SF di-Ibu Kota Hari Ini. *Berita Harian*. 19 Julai 1964. Hlm 10
- ⁵⁵ Tan Kim Hong. The Labour Party of Malaya 1952-1972. *Aliran Monthly*: Vol28(10) hlm 33.
- ⁵⁶ Labour Party Struck Off Register. *The Straits Times*. 7 September 1972. Hlm 6
- ⁵⁷ Rasmi: Isako Ketua S.F. *Berita Harian*. 17 April 1961. Hlm 1
- ⁵⁸ Ahmad Nidzammuddin bin Sulaiman. 1988. Aliran Kiri Dalam Politik Perkauman Malaya/Malaysia. *Jebat 16*(1988) 63-80. Hlm 64
- ⁵⁹ Ibid. Hlm 65
- ⁶⁰ Ishak jadi Ahli Front sosialis. *Berita Harian*. 15 Julai 1959. Hlm 3

⁶¹ Meter Motorkar2 Sewa: Ishak Mohamad Menudoh Kerajaan Menjalankan Langkah2 Penindasan. *Berita Harian*. 19 Februari 1960. Hlm 2

⁶² Fikiran Ishak tentang kemajuan kampung. *Berita Harian*. 2 Februari 1961. Hlm 2

⁶³ Ishak jadi ahli Front Sosialis. *Berita Harian*. 15 Julai 1959. Hlm 3

⁶⁴ Ishak Tidak Ikut P-Raya Kuala Lipis. *Berita Harian*. 13 September 1962. Hlm 5.

⁶⁵ Ibid

⁶⁶ Malaysia Raya: SF Pileh 5 untok Membuat Satu Laporan. *Berita Harian*. 5 September 1961. Hlm 5.

⁶⁷ PAS: Malaysia Tanpa Indonesia Tidak Akan Untongkan Melayu. *Berita Harian*. 11 September 1962. Hlm 2.

⁶⁸ Ibid

⁶⁹ Another Three 'Plotters' Arrested. *Canberra Times (ACT:1926-1995)*, Saturday 30 January 1965, Hlm 5.

⁷⁰ Traitor Ishak: I Took Soekarno Cash. *The Strait Times*. 14 Februari 1965. Hlm 1.